



BISNES»Korporat

Rabu, 14 November 2018 | 7:28pm

Scientex tawar pengambilan 42.41 peratus pegangan dalam Daibochi

KUALA LUMPUR: Pengilang pembungkusan, Scientex Bhd bercadang untuk mengambil alih pegangan sebanyak 42.41 peratus dalam Daibochi Bhd dengan nilai RM222.5 juta untuk membolehkannya menembusi pasaran global dengan menawarkan pembungkusan berkualiti tinggi dengan harga yang kompetitif.

Pengarah Urusan Scientex, Lim Peng Jin, berkata jumlah pembayaran pembelian itu akan dipenuhi melalui pertukaran saham menerusi terbitan satu saham Scientex biasa baharu bagi setiap 5.5 saham Daibochi yang dipegang oleh vendor.

“Penggabungan sinergi ini akan mewujudkan syarikat gergasi serantau yang hebat dari Malaysia dengan sumber yang luas untuk bersaing di peringkat global, menawarkan pelbagai penyelesaian pembungkusan fleksibel yang bersepadu kepada asas pelanggan yang lebih besar.

“Langkah ini akan memperluaskan lagi capaian pasaran kami, membawa bersama pengetahuan teknikal yang kukuh dan tenaga kerja berkemahiran untuk meneroka prospek pertumbuhan segmen pasaran ini yang menarik,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Bercakap pada pemeteraian perjanjian dasar induk antara Scientex dan vendor di sini hari ini, Lim berkata pihak-pihak yang berkenaan bersetuju untuk memeterai perjanjian jualan saham bersyarat dalam tempoh dua bulan akan datang.

Beliau berkata pengambilalihan itu akan membolehkan Scientex meningkatkan lagi portfolio produknya dan keupayaannya dalam perniagaan

pembungkusan fleksibel melalui produk sinergi dan pelengkap, yang akan membolehkan syarikat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan globalnya.

“Dengan memanfaatkan kekuatan masing-masing, jenama dan rekod prestasi kedua-dua pihak, Scientex akan memanfaatkan keperluan pengguna yang berkembang melalui kerjasama yang lebih baik dengan pemilik jenama antarabangsa untuk memberikan penyelesaian pembungkusan yang inovatif dan mampan untuk menangani kebimbangan mengenai alam sekitar yang meningkat,” katanya.

Beliau berkata Scientex merancang untuk mengekalkan status penyenaaran Daibochi di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Bhd, dan mengekalkan pengurusan dan semua kakitangan operasinya.

Tanpa mengambil kira keadaan yang tidak dijangka, cadangan pengambilalihan jualan saham itu dijangka selesai dalam tempoh enam bulan dari tarikh pelaksanaan perjanjian jualan saham bersyarat.

Cadangan tawaran pengambilalihan mandatori itu dijangka selesai dalam tempoh dua bulan dari tarikh perjanjian jualan saham menjadi tidak bersyarat.

Selepas selesai, langkah itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan Scientex bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2019 dan seterusnya, kata Lim. --BERNAMA